



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN) 2010

[P.U. (A) 130/2010]

Sebagaimana pada 15 Jun 2023

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2023

**PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (MAJLIS
PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN) 2010**

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 29 April 2010

Tarikh permulaan kuat kuasa 3 Mei 2010

Kali terakhir dipinda melalui
P.U. (A) 295/2022 yang mula
berkuat kuasa pada 15 September 2022

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA KOPERASI 1993

**PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (MAJLIS PERUNDINGAN
KOPERASI KEBANGSAAN) 2010**

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Penubuhan Majlis
4. Fungsi Majlis
5. Keanggotaan Majlis
6. Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan
- 6A. Jawatankuasa
7. Pengosongan jawatan
8. Elaun
9. Penzahiran kepentingan
10. Mesyuarat Majlis
11. Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA KOPERASI 1993

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 86(2)(m) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Koperasi (Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan) 2010.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 3 Mei 2010.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “Majlis” ertinya Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah peraturan 3.

Penubuhan Majlis

3. Suatu majlis yang dikenali sebagai Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan ditubuhkan.

Fungsi Majlis

4. Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) mewujudkan suatu forum bagi menentukan hala tuju pembangunan pergerakan koperasi;

- (b) menyelaras dan mempertingkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam membangunkan pergerakan koperasi;
- (c) bertindak sebagai suatu forum untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan pembangunan pergerakan koperasi;
- (d) menimbang dan mengendorskan apa-apa cadangan penambahbaikan kepada apa-apa dasar berhubung dengan koperasi;
- (e) mewujudkan kerjasama dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan koperasi;
- (f) memperkuuhkan pergerakan koperasi dengan menggalakkan rangkaian kerja, perkongsian maklumat, kepakaran dan pengalaman antara pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam sektor koperasi;
- (g) menimbang dan mencadangkan program latihan, kemahiran dan pendidikan koperasi ke arah peningkatan perniagaan dan keusahawanan koperasi melalui kefahaman dan penghayatan prinsip dan falsafah koperasi;
- (h) menjalankan fungsi-fungsi lain yang dipersetujui oleh Pengerusi; dan
- (i) menujuhan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi membantu dalam apa-apa perkara berhubung dengan pembangunan koperasi.

Keanggotaan Majlis

5. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
 - (a) Menteri sebagai Pengerusi;
 - (b) Timbalan Menteri suatu Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagai Timbalan Pengerusi;
 - (c) Anggota Majlis Mesyuarat atau wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi atau mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri bagi mewakili mana-mana negeri atau wakilnya;

- (d) Ketua Setiausaha suatu Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi atau wakilnya;
 - (e) Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau wakilnya;
 - (f) Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia atau wakilnya;
 - (g) Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) atau wakilnya;
 - (h) Pengurus Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau wakilnya;
 - (i) tidak lebih daripada sembilan orang wakil koperasi yang dilantik oleh Menteri; dan
 - (j) tidak lebih daripada lima orang yang, pada pendapat Menteri, boleh membantu Majlis atau pembangunan pergerakan koperasi, dilantik oleh Menteri.
- (2) Pengurus hendaklah menu buhkan suatu urus setia untuk membantu Majlis menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.
- (3) Pengurus hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai untuk menjadi urus setia sebagaimana yang perlu daripada kalangan pegawai Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi atau pegawai dan pekerja Suruhanjaya atau gabungan daripada kedua-duanya.

Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

6. (1) Tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 5(c), (i) dan (j) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak dilantik semula;
- (2) Pengurus boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 5(c), (i) dan (j) tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(3) Seseorang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi.

Jawatankuasa

6A. Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi membantu Majlis dalam menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pengosongan jawatan

7. Jawatan seseorang anggota Majlis hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) berhubung dengan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 5(c), (i) dan (j)—
- (i) dia mati;
 - (ii) telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah—
 - (A) yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (B) di bawah mana-mana undang-undang yang melibatkan rasuah; atau
 - (C) yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, tidak melebihi dua tahun;
 - (iii) dia menjadi bankrap;
 - (iv) dia tidak upaya dari segi mental, atau atas apa-apa sebab lain, tidak berupaya melaksanakan tanggungjawabnya;
 - (v) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau
- (b) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

Elaun

8. (1) Semua anggota Majlis hendaklah dibayar apa-apa elau sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi pada mesyuarat Majlis dan dipersejui oleh semua anggota Majlis.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), elau bagi anggota Majlis yang terdiri daripada pegawai awam adalah tertakluk pada pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Penzahiran kepentingan

9. (1) Jika mana-mana anggota Majlis mempunyai apa-apa kepentingan benefisial dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Majlis, dia hendaklah dengan serta-merta mengisyiharkan jenis dan takat kepentingannya dalam perkara yang dipertimbangkan itu kepada Pengerusi atau mana-mana anggota lain yang mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Penzahiran kepentingan di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat atau nota prosiding dan Majlis hendaklah memutuskan sama ada boleh atau tidak anggota itu mengambil bahagian dalam prosiding mesyuarat, atau selainnya.

Mesyuarat Majlis

10. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi sekurang-kurangnya sekali setahun.

(2) Jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, dia hendaklah melantik mana-mana anggota Majlis untuk menjalankan tugas sebagai seorang Pengerusi.

(3) Separuh daripada jumlah anggota Majlis yang hadir pada mana-mana mesyuarat hendaklah membentuk kuorum.

(4) Tiap-tiap anggota Majlis yang hadir berhak kepada satu undi.

- (5) Semua keputusan dalam suatu mesyuarat Majlis hendaklah dibuat dengan undi majoriti mudah semua anggota Majlis yang hadir dan jika terdapat undi yang sama banyak, Pengurus mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.
- (6) Tertakluk pada Peraturan-Peraturan ini, Majlis boleh mengawal selia sendiri tatacara mesyuaratnya.

Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

11. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam perbincangan tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

(2) Mana-mana orang lain yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dibayar apa-apa elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Dibuat 23 April 2010
[SKM.IP(AM): 7875; PN(PU²)527/XIII]

DATO' MANGSOR BIN SAAD
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Diluluskan

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan*

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA KOPERASI 1993****PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (MAJLIS PERUNDINGAN
KOPERASI KEBANGSAAN) 2010****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Nama	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 271/2022	Peraturan-Peraturan Koperasi (Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan) (Pindaan) 2022	01-09-2022
P.U. (A) 295/2022	Peraturan-Peraturan Koperasi (Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan) (Pindaan) (No. 2) 2022	15-09-2022

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA KOPERASI 1993****PERATURAN-PERATURAN KOPERASI (MAJLIS PERUNDINGAN
KOPERASI KEBANGSAAN) 2010****SENARAI PERATURAN YANG DIPINDA**

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
4	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
5	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
6	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
6A	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
7	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
8	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
10	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022
11	P.U. (A) 271/2022	01-09-2022